

HUBUNGAN ANTARA PENDEKATAN PEMBELAJARAN DIGITAL LITERASI AL-QURAN TERHADAP MOTIVASI MURID

[THE RELATIONSHIP BETWEEN DIGITAL LEARNING APPROACHES IN AL-QUR'AN LITERACY AND STUDENTS' MOTIVATION]

NOORZAWATI MAT WAZIR^{*1} & MOHD ISA HAMZAH¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: zawatiwazir5690@gmail.com

Received: 16 December 2025

Accepted: 03 January 2025

Published: 21 January 2026

Abstrak: Tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah rendah masih menjadi cabaran utama dalam usaha memperkukuh literasi al-Quran, khususnya apabila pendekatan pengajaran sedia ada memerlukan keperluan, kebolehan dan gaya pembelajaran murid dalam persekitaran pembelajaran digital. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dengan tahap motivasi murid. Kajian ini penting bagi menyediakan bukti empirikal yang bersifat kontekstual untuk menyokong penambahbaikan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam di sekolah rendah, khususnya dalam meningkatkan penglibatan dan motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra'. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan dengan instrumen soal selidik berstruktur bagi mengukur amalan pembelajaran digital guru dan tahap motivasi murid. Data kajian dikumpul daripada 276 orang guru Pendidikan Islam sekolah-sekolah rendah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif serta inferensi menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pembelajaran digital dalam pengajaran bacaan Iqra' berada pada tahap sederhana tinggi, dengan kecenderungan penggunaan bahan digital berbentuk video, audio dan aplikasi mudah alih berbanding penggunaan platform digital bagi tujuan perekodan dan pemantauan bacaan secara dalam talian. Dari aspek motivasi, murid dinilai mempunyai tahap motivasi yang tinggi, terutamanya apabila PdP melibatkan bahan visual dan aktiviti interaktif. Analisis hubungan menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran digital mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra'. Secara keseluruhannya, kajian ini mencadangkan keperluan untuk memperkukuh latihan integrasi pedagogi teknologi dalam kalangan guru, menyediakan sokongan pelaksanaan di peringkat sekolah, serta memanfaatkan pembelajaran digital secara berstruktur sebagai pelengkap kepada pengajaran bacaan al-Quran di sekolah rendah.

Kata Kunci: pembelajaran digital, literasi al-Quran, Iqra', motivasi murid, guru Pendidikan Islam, sekolah rendah, program j-QAF, TMK.

Abstract: The level of mastery in Qur'anic reading among Level 2 primary school pupils remains a major challenge in efforts to strengthen Al-Qur'an literacy, particularly when existing teaching approaches are less responsive to pupils' needs, abilities, and learning styles within a digital learning environment. In this regard, this study aims to identify the relationship between digital learning approaches to Al-Qur'an literacy practiced by Islamic Education teachers and pupils' motivation levels. This study is significant in providing contextual empirical evidence to support improvements in Islamic

Education teaching and learning strategies at the primary school level, particularly in enhancing pupils' engagement and motivation in learning Iqra' reading. This study employed a quantitative approach using a survey design with a structured questionnaire as the research instrument to measure teachers' digital learning practices and pupils' motivation levels. Data were collected from 276 Islamic Education teachers from primary schools in the Federal Territory of Kuala Lumpur and were analysed using descriptive and inferential statistics with the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 27. The findings indicate that digital learning practices in teaching Iqra' reading are at a moderately high level, with a greater tendency towards the use of digital materials such as videos, audio, and mobile applications compared to the use of digital platforms for online recording and monitoring of reading. In terms of motivation, pupils were found to have a high level of motivation, particularly when teaching and learning activities involved visual materials and interactive activities. Correlation analysis reveals that digital learning approaches have a positive and significant relationship with pupils' motivation towards learning Iqra' reading. Overall, this study suggests the need to strengthen training in the integration of technological pedagogy among teachers, provide implementation support at the school level, and utilise digital learning in a structured manner as a complementary approach to Al-Qur'an reading instruction in primary schools.

Keywords: digital learning, Al-Qur'an literacy, Iqra', pupil motivation, Islamic Education teachers, primary schools, j-QAF programme, ICT.

Cite This Article:

Noorzawati Mat Wazir & Mohd Isa Hamzah. (2026). Hubungan Antara Pendekatan Pembelajaran Digital Literasi Al-Quran Terhadap Motivasi Murid [The Relationship Between Digital Learning Approaches In Al-Qur'an Literacy And Students' Motivation]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(1): 15-33.

PENGENALAN

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam era Revolusi Industri 4.0 telah membawa perubahan signifikan terhadap landskap pendidikan global, termasuk sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan masa kini tidak lagi terhad kepada ruang fizikal bilik darjah, sebaliknya berkembang ke arah persekitaran pembelajaran digital yang lebih fleksibel, interaktif dan berpusatkan murid. Keperluan pendidikan abad ke-21 menuntut pendekatan pedagogi yang bukan sahaja menekankan penguasaan ilmu pengetahuan, malah menggalakkan pembelajaran sendiri, pemikiran kritis, kolaborasi serta pembinaan motivasi intrinsik murid. Seiring dengan tuntutan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia turut menekankan integrasi teknologi digital sebagai pemangkin kepada pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan dengan realiti semasa murid (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2019).

Dalam konteks Pendidikan Islam, penguasaan bacaan al-Quran merupakan teras utama pembentukan sahsiah, identiti dan keperibadian Muslim sejak peringkat awal persekolahan. Bacaan al-Quran yang betul bukan sahaja menjadi asas kepada kefahaman dan penghayatan ajaran Islam, malah berfungsi sebagai medium penyucian jiwa serta pembentukan akhlak mulia. Oleh itu, kegagalan murid menguasai bacaan asas al-Quran, khususnya melalui modul Iqra', memberi implikasi besar terhadap keseluruhan proses pendidikan Islam. Murid yang mengalami kecikiran bacaan al-Quran berisiko menghadapi kelemahan berterusan dalam aspek

ibadah, kefahaman agama dan pembangunan nilai spiritual, sekali gus menjejaskan matlamat Pendidikan Islam yang holistik (Ishak et al. 2021; Ibn Khaldun 2013).

Walaupun kaedah talaqqi dan musyāfahah kekal sebagai pendekatan teras dalam pengajaran al-Quran kerana menekankan ketepatan sebutan, adab dan kesinambungan sanad pembelajaran, kebergantungan sepenuhnya kepada pendekatan tradisional tanpa pengayaan strategi pedagogi kontemporari didapati semakin kurang responsif terhadap corak pembelajaran murid masa kini. Murid generasi digital membesar dalam persekitaran yang kaya dengan rangsangan visual, audio dan interaksi teknologi, menjadikan mereka lebih cenderung kepada pembelajaran yang bersifat multimedia dan interaktif. Pendekatan pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan bersifat sehalu berpotensi mengurangkan minat, tumpuan dan motivasi murid, terutamanya dalam kalangan murid berprestasi rendah dan murid yang mengalami keciciran bacaan Iqra' (Dayang Julia & Mohd Izham 2021).

Isu keciciran bacaan Iqra' dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah rendah terus menjadi kebimbangan dalam sistem Pendidikan Islam di Malaysia. Walaupun murid Tahap 2 sepatutnya telah menguasai bacaan asas sebagai prasyarat kepada pembacaan al-Quran yang lebih lancar, realitinya masih terdapat murid yang berada pada tahap penguasaan rendah walaupun mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara formal dan berterusan. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendekatan PdP sedia ada masih belum sepenuhnya memenuhi keperluan murid yang berbeza dari segi tahap kebolehan, latar belakang serta gaya pembelajaran (Nurfarahzatul Ashikin et al., 2022).

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa keciciran bacaan al-Quran dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kelemahan asas bacaan, kekangan masa PdP, kekurangan bahan bantu mengajar yang menarik serta amalan pengajaran yang masih berorientasikan guru. Dalam masa yang sama, kajian berkaitan pembelajaran digital melaporkan bahawa penggunaan elemen multimedia seperti audio, video, animasi dan aplikasi interaktif berpotensi meningkatkan minat, kefahaman serta penglibatan aktif murid dalam pembelajaran al-Quran. Walau bagaimanapun, keberkesanan pendekatan pembelajaran digital tidak berlaku secara automatik, sebaliknya bergantung kepada keupayaan guru mengintegrasikan teknologi dengan pedagogi dan kandungan secara seimbang dan bermakna (Dayang Julia & Mohd Izham, 2021).

Walaupun terdapat peningkatan kajian berkaitan penggunaan teknologi dalam pengajaran al-Quran, kebanyakan kajian terdahulu menilai teknologi secara umum tanpa meneliti secara khusus hubungan antara pendekatan pembelajaran digital yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dengan aspek motivasi murid. Selain itu, kajian empirikal yang menumpukan kepada murid keciciran bacaan Iqra' serta peranan motivasi sebagai pemboleh ubah utama masih terhad. Jurang kajian ini menuntut penyelidikan yang lebih sistematik dan kontekstual bagi memahami bagaimana amalan pembelajaran digital dapat menyokong motivasi murid secara berperingkat dan berkesan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran dalam konteks pengajaran bacaan Iqra' di sekolah rendah. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dan tahap motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra', serta menganalisis hubungan antara pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran dengan tahap motivasi murid. Dapatan kajian ini diharap dapat

menyumbang kepada penambahan ilmu dalam bidang Pendidikan Islam, di samping menyediakan bukti empirikal yang boleh dimanfaatkan oleh guru, pihak pentadbiran sekolah dan pembuat dasar dalam merangka strategi PdP al-Quran yang lebih berkesan, berasaskan teknologi dan selari dengan prinsip pendidikan Islam.

TINJAUAN LITERATUR

Literasi al-Quran dan Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah

Program j-QAF yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2005 merupakan inisiatif utama dalam memperkukuh literasi al-Quran murid sekolah rendah melalui Modul Khatam al-Quran. Program ini menekankan penguasaan bacaan asas al-Quran secara sistematik bermula daripada Iqra' sehingga bacaan al-Quran yang lancar. Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam bacaan al-Quran masih belum mencapai tahap yang konsisten. Kajian oleh Ishak et al. (2021) mendapati bahawa keberkesanan pelaksanaan j-QAF dipengaruhi oleh sokongan persekitaran sekolah dan sikap murid, namun tahap penguasaan bacaan al-Quran masih berada pada kategori sederhana. Selari dengan itu, laporan e-Pelaporan j-QAF (2024) menunjukkan bahawa masih terdapat 9.51% murid Tahun 6 yang belum mencapai tahap penguasaan bacaan al-Quran yang memuaskan dan kekal berada pada tahap Iqra' 1 hingga 3.

Dalam konteks Pendidikan Islam sekolah rendah, keciciran bacaan al-Quran merujuk kepada kegagalan murid menguasai kemahiran asas bacaan Iqra', khususnya pada peringkat awal Iqra' 1 hingga Iqra' 3, walaupun masih berada dalam sistem persekolahan formal. Keciciran ini memberi implikasi langsung terhadap kebolehan murid untuk meneruskan pembelajaran bacaan al-Quran pada tahap yang lebih tinggi dan mencapai matlamat khatam al-Quran menjelang tamat Tahun 6. Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa keciciran pembelajaran, berbeza daripada keciciran pendidikan, dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkaitan, termasuk latar belakang sosioekonomi keluarga, tahap pendidikan dan sokongan ibu bapa, motivasi dan sikap murid, persekitaran sosial, serta gaya pengajaran guru (Nurfarahzatul Ashikin et al., 2022; Ishak et al., 2021). Dalam konteks pembelajaran al-Quran, kekurangan sokongan di rumah, pengalaman kegagalan berulang dan pendekatan pengajaran yang kurang selari dengan keperluan murid lemah dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada keciciran bacaan. Perspektif pendidikan Islam turut menekankan bahawa pembelajaran dipengaruhi oleh pembentukan sikap, disiplin diri dan persekitaran yang kondusif, sebagaimana diuraikan oleh Ibn Khaldun, yang melihat pembelajaran sebagai proses berperingkat dan bergantung kepada kesediaan kognitif serta emosi murid. Justeru, literatur menunjukkan bahawa murid keciciran bacaan Iqra' memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel, berperingkat dan berpusatkan murid, termasuk penerokaan strategi pedagogi inovatif dan penggunaan teknologi sebagai intervensi sokongan bagi mengurangkan keciciran dan meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah.

Dasar Pendidikan Digital dan Pembelajaran Digital dalam Pendidikan Islam

Seiring dengan keperluan transformasi pendidikan, Dasar Pendidikan Digital Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) memberikan hala tuju yang jelas terhadap pelaksanaan pembelajaran digital melalui pembangunan murid fasih digital, peningkatan kompetensi guru dan penyediaan kandungan digital berkualiti. Dasar ini menekankan peranan guru sebagai pemangkin utama dalam mengintegrasikan teknologi secara bermakna dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian Hizam et al. (2021) serta Idawarna et al. (2022) menegaskan bahawa keberkesanan pembelajaran digital tidak hanya bergantung kepada ketersediaan teknologi, tetapi lebih bergantung kepada keupayaan guru mengintegrasikan elemen teknologi dengan pedagogi dan kandungan secara seimbang. Dalam konteks Pendidikan Islam, penguasaan guru terhadap integrasi teknologi menjadi faktor kritikal bagi memastikan penggunaan pendekatan digital tidak bersifat teknikal semata-mata, sebaliknya menyokong objektif pembelajaran bacaan al-Quran secara berkesan.

Integrasi Teknologi Digital dalam Pengajaran Bacaan Iqra' dan al-Quran

Kajian lepas menunjukkan bahawa pengintegrasian teknologi digital dalam pengajaran Iqra' memberikan kesan positif terhadap penguasaan bacaan murid. Farid dan Noraini (2019) serta Siti Syafawati Iliyas (2020) membuktikan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih dan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan membantu meningkatkan kelancaran bacaan serta penguasaan huruf hijaiyah dalam kalangan murid. Selain itu, penggunaan platform digital seperti *Google Classroom*, *Microsoft Teams* dan *DELIMA* menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih fleksibel dan menyokong pembelajaran sendiri serta pembelajaran berterusan di luar bilik darjah (Mohd Noh & Salmah, 2020). Elemen multimedia seperti video animasi dan audio bacaan turut membantu murid memahami sebutan, intonasi dan makhraj huruf dengan lebih jelas, selaras dengan gaya pembelajaran visual dan auditori murid sekolah rendah (Dayang Julida & Mahmud, 2021). Dalam konteks Pendidikan Islam, kajian Abdul Aziz dan Jaafar (2018) serta Nawati (2020) menunjukkan bahawa penggunaan multimedia interaktif bukan sahaja meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran, malah meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam PdP. Malah, Mokhtar dan Sharif (2021) menegaskan bahawa kaedah talaqqi musyafahah masih boleh dipelihara melalui pendekatan digital tanpa menjejaskan prinsip asas pengajaran al-Quran, sekiranya dilaksanakan secara terancang dan beretika.

Kesediaan dan Efikasi Guru

Walaupun bagaimanapun, kejayaan pembelajaran digital amat bergantung kepada tahap kesediaan dan efikasi guru. Kajian Ahmad Fikrul Amin (2023) serta Raja Nor Azuwah dan Nik Rosila (2022) mendapati bahawa walaupun guru Pendidikan Islam menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan teknologi, tahap penguasaan dan keyakinan mereka dalam mengintegrasikan teknologi secara pedagogi masih berada pada tahap sederhana. Antara faktor yang dikenal pasti sebagai penghalang ialah latihan yang terhad, beban tugas guru serta kemudahan ICT sekolah

yang tidak sekata. Keadaan ini mengukuhkan kepentingan *Model Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) sebagai kerangka teori yang sesuai untuk menilai tahap kesiapsiagaan guru dalam menggabungkan teknologi, pedagogi dan kandungan secara berkesan dalam PdP Iqra'.

Motivasi Murid dalam Pembelajaran Digital

Selain faktor guru, motivasi murid merupakan elemen penting dalam menentukan keberhasilan pembelajaran bacaan Iqra'. Model ARCS oleh Keller (1987) menyediakan kerangka yang komprehensif untuk memahami bagaimana elemen digital dapat mempengaruhi perhatian, keberkaitan, keyakinan dan kepuasan murid dalam pembelajaran. Kajian Fatmona (2024) serta Suraya Ahmad et al. (2022) membuktikan bahawa penggunaan bahan multimedia, aplikasi interaktif dan aktiviti digital yang bersifat visual dan responsif dapat meningkatkan motivasi murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran al-Quran. Justeru, motivasi murid berfungsi sebagai mekanisme penting yang menghubungkan pendekatan pembelajaran digital dengan keberkesanan pembelajaran bacaan Iqra'.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa Abdul Aziz dan Jaafar (2018) serta Nawi (2020) menunjukkan bahawa penggunaan multimedia interaktif bukan sahaja meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran, malah meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam PdP. Integrasi pembelajaran digital berpotensi menjadi pendekatan sokongan yang signifikan, namun keberkesanannya bergantung kepada tahap penerimaan guru dan kesannya terhadap motivasi murid. Walau bagaimanapun, kajian empirikal yang meneliti hubungan antara pendekatan pembelajaran digital dalam pengajaran Iqra' dengan motivasi murid keciciran berdasarkan persepsi guru Pendidikan Islam masih terhad, khususnya dalam konteks sekolah rendah KPM. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang tersebut dengan menilai penggunaan pendekatan digital dan hubungannya dengan motivasi murid dalam pembelajaran bacaan Iqra'.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan (*survey research design*) kerana pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh data empirikal yang mewakili populasi guru Pendidikan Islam di sekolah rendah, seterusnya membolehkan penyelidik menilai hubungan antara pemboleh ubah secara objektif. Menurut Creswell (2012), reka bentuk tinjauan sesuai digunakan apabila penyelidik ingin mengukur persepsi atau kecenderungan sampel yang besar melalui instrumen soal selidik yang berstruktur. Oleh itu, reka bentuk ini dipilih kerana kajian memerlukan data numerikal berkaitan tahap penggunaan pembelajaran digital dan motivasi murid yang dinilai berdasarkan skala Likert.

Kajian ini dijalankan di sekolah rendah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilihan lokasi ini adalah berasas kerana Kuala Lumpur mempunyai akses infrastruktur digital yang lebih stabil. Oleh kerana itu, guru Pendidikan Islam di kawasan ini dianggap sebagai sampel yang sesuai untuk menilai tahap adaptasi teknologi dalam PdP Iqra'. Selain itu, isu keciciran bacaan Iqra' dalam kalangan murid Tahap 2 di Kuala Lumpur juga merupakan isu

seperti yang dilaporkan melalui e-Pelaporan j-QAF (2024), justeru pemilihan lokasi ini membolehkan dapatan kajian diperolehi dalam konteks yang relevan.

Populasi kajian terdiri daripada semua guru Pendidikan Islam Tahap 2 di sekolah rendah KPM sekitar Kuala Lumpur seramai lebih kurang 1000 orang. Daripada populasi tersebut, seramai 276 orang guru telah menjawab soal selidik sebagai responden melalui kaedah persampelan mudah. Kaedah ini sesuai digunakan apabila penyelidik berurusan dengan populasi besar dan memerlukan akses cepat serta praktikal kepada responden (Etikan, Musa & Alkassim, 2016). Jumlah sampel 276 responden dianggap mencukupi dan melepasi syarat minimum yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), iaitu sekurang-kurangnya 260 sampel bagi populasi melebihi 1000. Saiz sampel yang besar ini meningkatkan kebolehpercayaan data dan membolehkan analisis korelasi dijalankan dengan lebih mantap.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah satu set soal selidik berstruktur yang dibangunkan berdasarkan kajian literatur, model teori TPACK dan ARCS serta kesesuaian konteks PdP Iqra' di sekolah rendah. Soal selidik menyediakan lima skala aras persetujuan.

Jadual 1 : Skala dan lima aras persetujuan

Skala	Aras Persetujuan
1	Sangat Tidak Bersetuju
2	Tidak Bersetuju
3	Tidak Pasti
4	Bersetuju
5	Sangat Bersetuju

Terdapat tiga bahagian utama, iaitu Bahagian A demografi responden. Bahagian B mengandungi 23 item yang dibangunkan berdasarkan adaptasi model TPACK dan literatur berkaitan penggunaan aplikasi mudah alih, video, audio, platform pembelajaran dalam talian serta bahan digital interaktif dalam pengajaran al-Quran. Item-item ini merangkumi skop penggunaan aplikasi, video animasi huruf hijaiyah, audio bacaan, tugas digital, rakaman bacaan dan penggunaan kuiz interaktif. Bahagian C pula mengandungi 10 item yang mengukur motivasi murid berdasarkan empat komponen Model ARCS iaitu perhatian, keberkaitan, keyakinan dan kepuasan. Pembinaan item ini disandarkan kepada penemuan kajian Fatmona (2024) dan Suraya Ahmad et al. (2022) yang membuktikan hubungan signifikan antara media digital dan motivasi murid.

Data kajian dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik secara dalam talian melalui platform *Google Forms*. Penggunaan kaedah dalam talian dipilih bagi memudahkan capaian responden, menjimatkan masa serta meningkatkan kadar maklum balas. Pautan soal selidik diedarkan secara rasmi melalui saluran pentadbiran pendidikan dan kumpulan

profesional guru Ketua Panitia Pendidikan Islam, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi memastikan penyertaan responden yang sah dan relevan. Bagi mengurangkan *bias respons*, responden dimaklumkan bahawa penyertaan adalah secara sukarela, data adalah sulit, dan tiada implikasi pentadbiran terhadap jawapan yang diberikan. Arahan pengisian soal selidik juga disediakan secara jelas bagi mengelakkan salah tafsir item.

Pengujian terhadap item-item soal selidik dijalankan bagi memastikan instrumen yang digunakan sesuai, berfungsi dengan baik serta berupaya menjawab persoalan kajian secara tepat. Proses penentuan kualiti instrumen ini melibatkan penilaian terhadap kesahan dan kebolehpercayaan sebagaimana yang disarankan oleh Mohd Najib (2003). Dalam kajian ini, tahap kebolehpercayaan instrumen ditentukan melalui kaedah ketekalan dalaman menggunakan pekali *Alpha Cronbach*.

Jadual 2: Nilai Pekali Kebolehpercayaan

Bil.	Konstruk Kajian	Bilangan Item	Pekali Kebolehpercayaan
1	Pendekatan Pembelajaran Digital (B)	23	0.975
2	Motivasi Murid (C)	10	0.966

Berdasarkan Jadual 2, konstruk Pendekatan Pembelajaran Digital yang mengandungi 23 item mencatatkan nilai pekali kebolehpercayaan yang sangat tinggi, iaitu $\alpha = 0.975$. Nilai ini menunjukkan bahawa keseluruhan item dalam konstruk tersebut mempunyai ketekalan dalaman yang kukuh dan stabil, sekali gus menandakan bahawa respon yang diberikan oleh guru adalah konsisten. Sementara itu, konstruk Motivasi Murid yang terdiri daripada 10 item turut mencatatkan nilai pekali kebolehpercayaan yang sangat tinggi, iaitu $\alpha = 0.966$. Nilai ini memperkukuh bahawa instrumen bagi konstruk motivasi murid juga mempunyai tahap kebolehpercayaan yang mantap dan boleh diterima bagi tujuan penyelidikan.

Secara keseluruhannya, kedua-dua nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.90 menunjukkan bahawa instrumen soal selidik ini mencapai tahap ketekalan dalaman yang sangat baik. Menurut Borg et al. (1993), nilai *alpha Cronbach* 0.60 ke atas adalah memadai dalam penyelidikan sosial, manakala Palant (2011) menyatakan bahawa nilai melebihi 0.70 dianggap baik dan boleh diterima. Oleh itu, nilai 0.975 dan 0.966 yang diperoleh dalam kajian ini menunjukkan bahawa instrumen kajian ini bukan sahaja sah untuk digunakan tetapi juga mempunyai ciri statistik yang sangat kukuh, menjadikannya sesuai bagi menilai konstruk pembelajaran digital dan motivasi murid secara reliabel.

Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi menentukan tahap pendekatan pembelajaran digital dan motivasi murid, manakala analisis korelasi Pearson digunakan untuk menilai hubungan antara pemboleh ubah kajian.

Ujian Kenormalan Data

Sebelum analisis inferensi dijalankan, ujian kenormalan data dilakukan bagi memastikan kesesuaian penggunaan statistik parametrik. Kenormalan data dinilai berdasarkan nilai skewness dan kurtosis, dengan julat ± 2 diterima sebagai memenuhi andaian taburan normal. Dapatan menunjukkan bahawa data kajian berada dalam julat yang boleh diterima, justeru analisis statistik parametrik boleh dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Taburan sampel kajian terdiri daripada 276 Guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Analisis latar belakang responden adalah jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar, keterlibatan dalam pengajaran Iqra' Tahap 2 dan kekerapan penggunaan pendekatan digital dalam PdP.

Jadual 3 : Profil Responden Kajian

Perkara	Kekerapan (n)	Peratus(%)
Jantina		
Lelaki	73	26.4
Perempuan	203	73.6
Umur		
21–30 tahun	61	22.1
31–40 tahun	100	36.2
41–50 tahun	101	36.6
51 tahun ke atas	14	5.1
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Ijazah Sarjana	16	5.8
Ijazah Sarjana Muda	260	94.2
Pengalaman Mengajar		
1–5 tahun	89	32.2
6–10 tahun	27	9.8
11–15 tahun	63	22.8
16–20 tahun	72	26.1
20 tahun ke atas	25	9.1

Mengajar Iqra' Tahap 2

Ya	231	83.7
Tidak	45	16.3

Kekerapan Menggunakan Pendekatan Digital (Seminggu)

Kerap	43	15.6
Kadang-kadang	188	68.1
Tidak Pernah	45	16.3

Berikut merupakan responden kajian berdasarkan maklumat demografi yang diperoleh melalui soal selidik. Demografi responden merangkumi jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi, pengalaman mengajar, penglibatan dalam pengajaran Iqra' Tahap 2 serta kekerapan penggunaan pendekatan pembelajaran digital dalam tempoh seminggu.

Berdasarkan Jadual 3, responden kajian terdiri daripada 73 orang guru lelaki (26.4%) dan 203 orang guru perempuan (73.6%). Dari segi umur, 61 orang responden (22.1%) berumur antara 21 hingga 30 tahun, 100 orang responden (36.2%) berumur antara 31 hingga 40 tahun, 101 orang responden (36.6%) berumur antara 41 hingga 50 tahun, dan 14 orang responden (5.1%) berumur 51 tahun ke atas. Bagi tahap pendidikan tertinggi, seramai 260 orang responden (94.2%) memiliki Ijazah Sarjana Muda, manakala 16 orang responden (5.8%) memiliki Ijazah Sarjana. Dari segi pengalaman mengajar, 89 orang responden (32.2%) mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun, 27 orang responden (9.8%) mempunyai pengalaman antara 6 hingga 10 tahun, 63 orang responden (22.8%) mempunyai pengalaman antara 11 hingga 15 tahun, 72 orang responden (26.1%) mempunyai pengalaman antara 16 hingga 20 tahun, dan 25 orang responden (9.1%) mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun. Seterusnya, seramai 231 orang responden (83.7%) terlibat secara langsung mengajar Iqra' Tahap 2, manakala 45 orang responden (16.3%) tidak terlibat dalam pengajaran tahap tersebut. Dari segi kekerapan penggunaan pendekatan pembelajaran digital dalam tempoh seminggu, 43 orang responden (15.6%) menggunakan pendekatan digital secara kerap, 188 orang responden (68.1%) menggunakannya secara kadang-kadang, dan 45 orang responden (16.3%) tidak pernah menggunakan pendekatan digital.

Analisis Deskriptif : Pendekatan Pembelajaran Digital Literasi al-Quran oleh Guru Pendidikan Islam

Analisis statistik deskriptif dijalankan bagi menilai tahap pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bacaan Iqra'. Analisis ini melibatkan 23 item yang merangkumi lima domain utama, iaitu penggunaan aplikasi mudah alih, penggunaan video dan multimedia digital, penggunaan bahan bantu mengajar digital, penggunaan platform pembelajaran digital, serta pengintegrasian peranti digital dalam PdP Iqra'. Tahap amalan ditentukan berdasarkan nilai min dan sisihan piawai, dengan interpretasi skor min merujuk kepada julat rendah, sederhana dan tinggi.

Jadual 4 : Tahap Pendekatan Pembelajaran Digital Literasi al-Quran

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B1	Saya menggunakan aplikasi mudah alih membantu murid mengenal huruf hijaiyah.	3.62	0.948	Sederhana Tinggi
B2	Saya membimbing murid menggunakan aplikasi interaktif bacaan Iqra'.	3.49	0.928	Sederhana
B3	Saya memanfaatkan fungsi kuiz/latihan dalam aplikasi mudah alih untuk menguji kefahaman murid terhadap bacaan Iqra.	3.48	0.924	Sederhana
B4	Saya menggunakan audio dalam aplikasi mudah alih supaya murid dapat mendengar contoh bacaan Iqra' dengan betul	3.69	0.851	Tinggi
B5	Saya menggunakan aplikasi mudah alih untuk memperkukuh kemahiran murid dalam membaca Iqra' secara sendiri.	3.52	0.916	Sederhana Tinggi
B6	Saya menggunakan video YouTube bacaan Iqra' untuk membantu pengajaran di dalam kelas	3.70	0.903	Tinggi
B7	Saya memaparkan video animasi untuk mengajar huruf hijaiyah kepada murid	3.60	0.954	Sederhana Tinggi
B8	Saya memilih klip video pendidikan untuk memudahkan pemahaman murid dalam kemahiran bacaan.	3.55	0.923	Sederhana Tinggi
B9	Saya menggunakan audio digital (seperti rakaman Iqra') sebagai sokongan dalam Proses pengajaran dan pembelajaran	3.51	0.920	Sederhana Tinggi
B10	Saya menggunakan <i>PowerPoint/Google Slides</i> yang interaktif semasa mengajar bacaan Iqra' kepada murid	3.32	0.918	Sederhana
B11	Saya menyediakan lembaran kerja digital Untuk latihan bacaan Iqra' kepada murid	3.24	0.939	Sederhana
B12	Saya menggunakan poster digital untuk huruf dan bacaan Iqra'	3.35	0.955	Sederhana Tinggi
B13	Saya menggunakan permainan digital (contohnya kuiz atas talian) sebagai Pengukuhan dalam PdP Iqra'	3.38	0.940	Sederhana Tinggi
B14	Saya menggunakan pendekatan pengajaran mengikut tahap bacaan Iqra'.	3.79	0.841	Tinggi
B15	Saya menggunakan platform seperti DELIMa/Google Classroom untuk memuat naik bahan bacaan Iqra' kepada murid	3.13	0.966	Sederhana

B16	Saya memberikan tugas bacaan Iqra' secara digital melalui platform pembelajaran digital	3.09	0.928	Sederhana
B17	Saya berinteraksi dengan murid secara maya untuk memantau kemajuan bacaan Iqra'	3.13	1.011	Sederhana
B18	Memberikan maklum balas bacaan melalui platform digital.	3.17	0.989	Sederhana
B19	Saya menggalakkan murid menghantar tugas/rakaman bacaan Iqra melalui Platform digital yang disediakan	3.04	0.966	Sederhana (Paling Rendah)
B20	Saya menggunakan komputer/tablet untuk memaparkan bahan bacaan Iqra' semasa PdP	3.46	0.947	Sederhana Tinggi
B21	Saya menggunakan smart board untuk mengajar murid secara interaktif dalam bacaan Iqra'	3.02	1.110	Sederhana
B22	Saya membenarkan murid menggunakan peranti digital seperti tablet atau komputer riba untuk latihan bacaan Iqra' secara individu	3.13	1.045	Sederhana
B23	Saya menggalakkan penglibatan murid secara berkumpulan menggunakan teknologi digital.	3.30	0.990	Sederhana
Min Keseluruhan		3.38	0.94	Sederhana Tinggi

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4, nilai min keseluruhan bagi pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran ialah 3.38 (SP = 0.94), menunjukkan tahap amalan berada pada sederhana tinggi. Secara umum, guru didapati lebih kerap mengaplikasikan pendekatan digital yang bersifat sokongan pengajaran berasaskan visual dan auditori berbanding penggunaan platform atau peranti digital secara interaktif. Item yang mencatatkan nilai min tertinggi ialah pendekatan pengajaran mengikut tahap bacaan murid ($M = 3.79$), diikuti oleh penggunaan video YouTube bacaan Iqra' ($M = 3.70$) dan penggunaan audio digital sebagai contoh bacaan ($M = 3.69$). Dapatan ini menunjukkan bahawa guru mengekalkan prinsip pedagogi berperingkat sambil memanfaatkan teknologi digital untuk menyokong kefahaman dan membantu dalam meningkatkan bacaan murid.

Sebaliknya, item yang melibatkan penggunaan platform pembelajaran digital dan pengintegrasian peranti digital secara aktif mencatatkan nilai min yang lebih rendah, namun masih berada dalam julat sederhana. Penggunaan platform seperti DELIMA dan Google Classroom, interaksi maya untuk pemantauan bacaan, serta aktiviti penghantaran tugas atau rakaman bacaan secara digital menunjukkan tahap amalan yang sederhana, mencerminkan pelaksanaan yang masih terhad dan bersifat sokongan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan corak amalan pembelajaran digital yang selektif dan pragmatik, di mana guru

lebih cenderung menggunakan pendekatan digital yang selari dengan keupayaan murid dan keperluan pengajaran bacaan Iqra', berbanding pendekatan digital yang memerlukan tahap interaksi dan pengurusan teknologi yang lebih kompleks.

Analisis Deskriptif : Tahap Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Bacaan Iqra' Berdasarkan Persepsi Guru

Jadual 5 : Tahap Motivasi Murid berdasarkan Persepsi Guru

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
C1	Murid lebih berminat apabila saya menggunakan aplikasi mudah alih semasa Pengajaran Iqra'	3.87	0.845	Tinggi
C2	Penggunaan video animasi digital menarik tumpuan murid semasa sesi bacaan Iqra'.	3.89	0.827	Tinggi (Tertinggi)
C3	Bahan digital yang saya gunakan dalam PdP relevan dengan keperluan murid.	3.79	0.807	Tinggi
C4	Murid yakin mencuba membaca Iqra' selepas didedahkan kepada bahan bantu mengajar digital.	3.76	0.836	Tinggi
C5	Penggunaan permainan atau kuiz digital mendorong murid untuk aktif dalam kelas Iqra'	3.82	0.829	Tinggi
C6	Keyakinan murid meningkat apabila menghantar tugas digital	3.61	0.861	Sederhana Tinggi
C7	Murid mudah memahami konsep bacaan Iqra' apabila saya menggunakan visual PowerPoint yang menarik	3.68	0.848	Tinggi
C8	Saya dapati murid seronok apabila PdP Iqra' menggunakan peranti digital	3.84	0.826	Tinggi
C9	Murid lebih konsisten hadir ke kelas Iqra' apabila sesi pembelajaran menggunakan bahan digital.	3.61	0.869	Sederhana Tinggi
C10	Murid menunjukkan minat untuk belajar Secara sendiri menggunakan aplikasi atau bahan digital yang disediakan oleh guru	3.73	0.853	Tinggi
Min Keseluruhan		3.76	0.84	Tinggi

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap motivasi murid dalam pembelajaran bacaan Iqra' berdasarkan persepsi guru berada pada tahap tinggi apabila pendekatan

pembelajaran digital digunakan ($M = 3.76$, $SP \approx 0.84$). Dapatan ini mencerminkan bahawa penggunaan pendekatan digital berupaya meningkatkan minat, kefahaman dan penglibatan murid secara keseluruhan. Elemen visual dan interaktif merupakan faktor dominan dalam meningkatkan motivasi murid, khususnya penggunaan video animasi, aplikasi mudah alih dan permainan digital yang mencatatkan skor min tertinggi, menunjukkan keberkesanan pendekatan berasaskan multimedia dalam menarik perhatian dan merangsang penglibatan aktif murid semasa PdP Iqra'. Selain itu, bahan digital yang relevan turut menyumbang kepada peningkatan kefahaman dan keyakinan murid untuk mencuba membaca Iqra', serta mendorong pembelajaran sendiri dalam kalangan murid. Walau bagaimanapun, aspek penghantaran tugas digital dan konsistensi kehadiran murid mencatatkan tahap yang sedikit lebih rendah berbanding item lain, menandakan keperluan sokongan pedagogi dan pemantauan berterusan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa pendekatan pembelajaran digital mempunyai impak positif yang signifikan terhadap motivasi murid dalam pembelajaran bacaan Iqra' berdasarkan persepsi guru Pendidikan Islam. [mh1][NM2]

Ujian Kenormalan Data

Sebelum analisis inferensi dijalankan, ujian kenormalan data telah dilaksanakan bagi memastikan data kajian memenuhi andaian statistik yang diperlukan. Ujian kenormalan ini dijalankan menggunakan analisis nilai skewness dan kurtosis, serta ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk.

Jadual 6 : Ujian Kenormalan Data Skewness dan Kurtosis

Pemboleh Ubah	Skewness	Kurtosis	Tafsiran
Mean B (Pendekatan Digital)	-0.920	1.137	Normal
Mean C (Motivasi Murid)	-0.978	2.290	Normal

Berdasarkan analisis deskriptif, nilai skewness bagi pembolehubah pendekatan pembelajaran digital (Mean B) ialah -0.920 dan nilai kurtosis ialah 1.137. Manakala bagi pembolehubah motivasi murid (Mean C), nilai skewness ialah -0.978 dan nilai kurtosis ialah 2.290. Kesemua nilai skewness berada dalam julat ± 2.0 , manakala nilai kurtosis berada dalam julat ± 3.0 , menunjukkan bahawa taburan data adalah normal. [mh3][NM4]

Walaupun keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk menunjukkan nilai signifikan $p < 0.001$, keadaan ini adalah lazim bagi kajian yang melibatkan saiz sampel yang besar ($n = 276$) kerana ujian ini bersifat sangat sensitif terhadap saiz sampel. Oleh itu, penentuan kenormalan data dalam kajian ini adalah berdasarkan nilai skewness dan kurtosis serta pemerhatian graf histogram dan Normal Q-Q Plot, yang menunjukkan taburan data yang hampir normal. Berdasarkan dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa data kajian ini memenuhi andaian kenormalan, justeru analisis inferensi menggunakan korelasi Pearson adalah sesuai untuk menguji hubungan antara pendekatan pembelajaran digital dan motivasi murid

Analisis Inferensi

Bahagian ini membentangkan dapatan analisis inferensi bagi menjawab objektif kajian yang berkaitan dengan hubungan antara pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran dan motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra'. Analisis inferensi dilaksanakan menggunakan ujian korelasi Pearson bagi menentukan kekuatan dan arah hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah kajian.

Jadual 6 : Hubungan Pendekatan Pembelajaran Digital dengan Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Bacaan Iqra'

Pemboleh Ubah	Pearson Correlation	Sig. (2-tailed)	N
Pendekatan Pembelajaran Digital	0.764	0.000	276
Motivasi Murid	0.764	0.000	276

Dapatan analisis di atas menunjukkan hubungan antara pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran oleh guru Pendidikan Islam dengan motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra'. Analisis dijalankan menggunakan ujian korelasi Pearson bagi menentukan kekuatan dan arah hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah kajian. Hasil analisis dipersembahkan melalui jadual di atas. Berdasarkan Jadual 6 nilai pekali korelasi Pearson antara pendekatan pembelajaran digital dan motivasi murid ialah $r = 0.764$ dengan nilai signifikan $p = 0.000$ pada aras keertian 0.01. Analisis ini melibatkan seramai 276 orang responden ($N = 276$). Nilai signifikan yang diperoleh menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah signifikan secara statistik. Kajian mendapati bahawa pekali korelasi Pearson menunjukkan wujudnya hubungan linear positif yang kuat dan signifikan antara pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran oleh guru Pendidikan Islam dengan tahap motivasi murid.

PERBINCANGAN

Pendekatan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran Iqra' oleh Guru Pendidikan Islam

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi, dengan kecenderungan penggunaan bahan digital berbentuk audio, video dan aplikasi mudah alih berbanding komponen pengurusan pembelajaran digital yang lebih kompleks seperti penghantaran tugas dan pemantauan bacaan secara maya. Dapatan ini secara langsung menjawab objektif kajian pertama, iaitu mengenal pasti pendekatan pembelajaran digital yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Iqra'. Pola dapatan ini selari dengan kajian Ahmad Fikrul Amin (2023) serta Raja Nor Azuwah dan Nik Rosila (2022) yang mendapati bahawa guru Pendidikan Islam lebih cenderung menggunakan teknologi sebagai alat sokongan pengajaran berbanding sebagai medium transformasi pedagogi sepenuhnya. Keadaan

ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam pengajaran Iqra' masih berada pada tahap adaptasi, iaitu teknologi digunakan untuk memperkukuh kaedah sedia ada, bukan menggantikan keseluruhan struktur PdP.

Dari sudut teori, dapatan ini mencerminkan pelaksanaan Model TPACK tidak memenuhi tiga komponen sebahagian sahaja, khususnya pada komponen pengetahuan pedagogi dan kandungan, manakala pengetahuan teknologi lanjutan seperti pengurusan pembelajaran digital dan interaksi maya masih belum dimanfaatkan secara optimum. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan pembelajaran digital bukan semata-mata bergantung kepada kemudahan teknologi, tetapi kepada keupayaan guru menggabungkan ketiga-tiga komponen pengetahuan secara seimbang dan bersepadu. Dalam konteks Pendidikan Islam, penggunaan bahan digital seperti audio bacaan dan video animasi juga selari dengan prinsip *talaqqi musyāfahah*, di mana pendengaran dan pemerhatian visual berperanan penting dalam penguasaan bacaan al-Quran. Moktar dan Sharif (2021) menegaskan bahawa teknologi boleh berfungsi sebagai medium sokongan kepada kaedah tradisional tanpa menjejaskan prinsip asas pengajaran al-Quran, sekiranya dilaksanakan secara beretika dan terancang. Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* kekal sebagai pendekatan asas dan paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran kerana ia menuntut interaksi langsung antara guru dan murid bagi memastikan ketepatan makhraj, hukum tajwid serta intonasi bacaan secara serta-merta. Walau bagaimanapun, seiring perkembangan teknologi digital, penggunaan rakaman audio seperti fail MP3 dapat dimanfaatkan sebagai alat sokongan pedagogi bagi mengukuhkan proses pembelajaran al-Quran, khususnya dari segi pengulangan dan pembiasaan pendengaran terhadap bacaan yang betul. Penggunaan teknologi dalam pengajaran al-Quran berpotensi meningkatkan kefahaman, minat dan keberkesanan pembelajaran sekiranya diaplikasikan secara beretika dan selari dengan nilai-nilai pendidikan Islam (Masnih Mustapa et al., 2024). Dalam konteks ini, rakaman audio berfungsi sebagai medium pengukuhan yang membolehkan murid mengulang bacaan secara sendiri di luar waktu pengajaran bersemuka, sekali gus menyokong pembelajaran berterusan tanpa menafikan peranan utama guru. Walau bagaimanapun, peranan guru melalui *musyafahah* secara langsung tetap tidak boleh digantikan sepenuhnya oleh teknologi kerana proses pembetulan bacaan al-Quran memerlukan bimbingan segera, pemerhatian teliti dan interaksi dua hala yang berterusan. Oleh itu, gabungan antara *talaqqi musyafahah* dan penggunaan rakaman audio digital dilihat sebagai pendekatan yang lebih seimbang dan holistik, selaras dengan saranan agar teknologi digunakan sebagai alat sokongan yang memantapkan pengajaran al-Quran tanpa mengabaikan aspek etika, nilai moral dan peranan pendidik sebagai pembimbing utama (Masnih Mustapa et al., 2024).

Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Bacaan Iqra' melalui Pendekatan Digital

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra', berdasarkan persepsi guru, berada pada tahap tinggi. Elemen-elemen seperti minat, perhatian, keyakinan dan keseronokan murid mencatatkan skor min yang tinggi apabila PdP melibatkan penggunaan bahan digital. Dapatan ini selari dengan kajian Fatmona (2024), Suraya Ahmad et al. (2022) serta Ajagbe (2021) yang membuktikan bahawa pembelajaran digital mempunyai hubungan signifikan dengan peningkatan motivasi murid. Penggunaan elemen

visual, animasi dan interaktiviti bukan sahaja menarik perhatian murid, malah membantu mengekalkan fokus dan meningkatkan kesediaan murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Dari perspektif teori, dapatan ini menyokong Model ARCS oleh Keller (1987) yang menekankan bahawa motivasi murid dapat dipupuk melalui rangsangan perhatian, keberkaitan kandungan, pembinaan keyakinan dan kepuasan pembelajaran. Dalam konteks murid keciciran bacaan Iqra', bahan digital yang bersifat mesra murid dan berperingkat membantu mengurangkan tekanan pembelajaran serta meningkatkan keyakinan diri murid untuk mencuba bacaan secara berulang. Dari sudut pandangan sarjana Islam, konsep motivasi dalam pembelajaran sejajar dengan pandangan Imam al-Ghazali yang menegaskan bahawa proses pendidikan perlu mengambil kira tahap kemampuan dan keadaan psikologi pelajar agar pembelajaran berlaku secara berperingkat dan tidak membebankan (al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*). Pendekatan digital yang fleksibel dan responsif terhadap keperluan murid selari dengan prinsip ini, khususnya dalam mendidik murid yang lemah asas bacaan.

Hubungan antara Pendekatan Pembelajaran Digital dan Motivasi Murid

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pendekatan pembelajaran digital dan motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra', dengan nilai korelasi Pearson $r = .764$. Hubungan yang signifikan ini menunjukkan bahawa peningkatan penggunaan pendekatan pembelajaran digital oleh guru berkait secara langsung dengan peningkatan motivasi murid. Dapatan ini menyokong kajian Ajagbe (2021) dan Yuniar et al. (2021) yang mendapati bahawa pembelajaran digital bukan sahaja mempengaruhi pencapaian akademik, tetapi turut mempengaruhi aspek afektif murid seperti minat, sikap dan kesediaan belajar. Dari sudut teori, dapatan ini mengukuhkan integrasi antara Model TPACK dan Model ARCS, di mana keupayaan guru mengintegrasikan teknologi secara pedagogi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong motivasi murid. Dalam Pendidikan Islam, motivasi murid untuk membaca al-Quran merupakan asas kepada pembentukan hubungan berterusan dengan al-Quran, sebagaimana ditegaskan oleh Ibn Khaldun bahawa pendidikan yang berkesan perlu dilaksanakan secara beransur-ansur dan berterusan agar ilmu dapat meresap dengan baik (*Muqaddimah*).

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan keperluan guru Pendidikan Islam memanfaatkan pembelajaran digital secara lebih terancang dan berstruktur, khususnya bagi menyokong murid keciciran bacaan Iqra'. Penggunaan teknologi perlu difokuskan kepada pembelajaran berperingkat, pengulangan bacaan dan bimbingan berterusan selaras dengan keperluan murid lemah. Kajian ini mencadangkan agar latihan profesional guru diperkukuh dengan penekanan kepada integrasi pedagogi teknologi, bukan sekadar kemahiran teknikal. Pihak pengurusan pendidikan juga perlu memastikan sokongan infrastruktur dan bimbingan berterusan bagi membolehkan pembelajaran digital dilaksanakan secara konsisten. Kesimpulannya pendekatan pembelajaran digital literasi al-Quran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi murid terhadap pembelajaran bacaan Iqra'. Walaupun

pendekatan digital masih digunakan sebagai pelengkap kepada kaedah tradisional, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan digital berpotensi menyokong motivasi murid keciciran bacaan. Integrasi pembelajaran digital yang beretika dan selari dengan prinsip Pendidikan Islam bukan sahaja menyokong keberkesanan PdP, malah berupaya memupuk hubungan murid dengan al-Quran secara berterusan. Oleh itu, usaha memperkukuh penggunaan pendekatan pembelajaran digital dalam pengajaran bacaan Iqra' wajar diteruskan secara terancang bagi menyokong pembentukan generasi celik al-Quran.

RUJUKAN

- Ahmad Fikrul Amin. 2023. Pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* 3(4): 60–79.
- Ajagbe, M. A. 2021. Effects of digital learning on students' motivation and attitude in public secondary schools. *International Journal of Educational Research Review* 6(3): 312–320.
- Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud. 2021. Minat, tingkah laku disruptif dan gaya pembelajaran murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(4): 49–64.
- Hizam, S. M., Ahmad, S. & Zainal, N. 2021. Kompetensi guru dalam pelaksanaan pembelajaran digital. *Asian Journal of University Education* 17(4): 45–56.
- Ibn Khaldun. 2005. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Fikr. (Asal diterbitkan abad ke-14)
- Idawarna Hasin, Rashidah Othman, Noor Syahida Abdullah, Kartini Mohd Yusoff, Mohd Roslan Ab Rahman. 2022. Isu dan Cabaran Pembelajaran Digital dalam Transformasi Pendidikan Negara Pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 15(2): 23–32.
- Ishak, H., & Mamat, M. H. 2021. Student Learning Factors in J-QAF Khatam Al-Quran Model. *Annals of the Romanian Society for Cell Biology* 291–300.
- Keller, J. M. 1987. Development and use of the ARCS model of instructional design. *Journal of Instructional Development* 10(3): 2–10.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. *Dasar Pendidikan Digital*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Masnih Mustapa, Siti Saidatulakmal Arishin & Jahidih Saili. 2024. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran: Tinjauan terhadap aspek etika dan kesannya dalam pembentukan nilai moral. *Jurnal Pengajian Islam* 17(1): 1–6.
- Mishra, P. & Koehler, M. J. 2006. Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record* 108(6): 1017–1054.
- Mohd Noh, M. A. & Salmah, M. Y. 2020. Pembelajaran digital dan pembelajaran sendiri dalam pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari* 5(1): 23–35.
- Moktar, M. S. & Sharif, M. F. 2021. Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran: Relevansi dan adaptasi digital. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 32(1): 153–174.

- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi . 2020. Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education (JICTIE)* 7(2) : 14-26
- Nur Atiqah binti Abdul Aziz, Noornajihan Binti Jaafar. 2018. Penguasaan pembelajaran al-Quran berbantuan aplikasi multimedia interaktif Smart Iqra'. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 2(2): 45–58.
- Nurfarahzatul Ashikin Mohd Razali, Mohamad Rodi Isa & Noor Azian Mohd Salleh. 2022. Pembelajaran digital dan keadilan pendidikan untuk murid luar bandar. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 11(1): 121–133.
- Rahma Fatmona. 2024. Pengaruh multimedia interaktif terhadap motivasi pembelajaran al-Quran murid sekolah rendah. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar* 2(2) : 142-151.
- Raja Nor Azuwah Raja Yusof & Nik Rosila Nik Yaacob. 2022. Tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam terhadap aplikasi TMK. *Asian People Journal* 5(1): 179–189.
- Suraya Ahmad, Norliza Ghazali & Siti Noor Hisham. 2022. Penggunaan bahan digital dan motivasi murid dalam pembelajaran al-Quran. *Jurnal Pendidikan Islam* 37(1): 41–55.
- Yuniar, R., Sari, D. & Putra, A. 2021. Digital learning and students' motivation: A correlational study. *Journal of Educational Technology Systems* 49(3): 345–360.